



E-PAPER



EKONOMI



MBAM sokong syarat baharu

KUALA LUMPUR 12 Ogos - Persatuan Pemborong Binaan Malaysia (MBAM) menyokong langkah kerajaan mengenakan syarat baharu kepada syarikat pembinaan iaitu pelantikan waji Penyelia Keselamatan dan Kesihatan (SSS) berkuat kuasa 1 Januari 2012 ke atas.

Syarat baharu itu telah diumumkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan, Datuk Johari Basri baru-baru ini.

Presiden MBAM, Kwan Foh Kwai berkata, persatuan sentiasa proaktif untuk mempromosi pendidikan dan latihan berstruktur berkaitan pengurusan keselamatan dan kesihatan serta pelaksanaannya.

Malah jelas beliau, industri pembinaan boleh mencapai piawaian keselamatan tertinggi dan berupaya mencegah kemalangan daripada berlaku jika semua pihak mempunyai budaya keselamatan dalaman yang kukuh.

"Satu cara untuk menangani sikap tidak baik di tempat kerja adalah melalui inisiatif promosi dan pendidikan," katanya.

MBAM menyedari bahawa pembinaan akan berterusan memainkan peranan penting dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi, terutamanya melalui projek-projek yang digerakkan di bawah Rancangan Malaysia Ke sepuluh (RMK-10) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP)

Kata Foh Kwai, dengan tekanan masa dan bilangan projek yang banyak untuk disiapkan di bawah ETP, para kontraktor mesti memastikan tanggungjawab dan komitmen terhadap keselamatan tidak dipinggirkan.

Sehingga kini, seramai 28 calon telah mengambil kursus SSS yang dianjurkan MBAM dan persatuan mempunyai kapasiti untuk melatih sehingga 500 SSS setahun.

Seramai 30 pelatih lagi dijangka memulakan latihan pada awal Oktober depan.

Tambah Foh Kwai, melalui usaha tersebut, MBAM berharap bilangan kemalangan dan kejadian yang tidak diingini di kawasan pembinaan dapat dikurangkan.

TAJUK-TAJUK BERITA LAIN:

- [Proton selepas MAS](#)
- [Kenaikan cukai lapangan terbang ditangguhkan?](#)
- [Gaji Patsley antara termahal di dunia](#)
- [Fahami pelbagai kos jual beli emas](#)
- [eDividend sasar RM10 bilion](#)
- [MRT: Kontraktor tersenarai awam lebih berpeluang](#)
- [Jepun turunkan lagi unjuran ekonomi](#)
- [MBAM sokong syarat baharu](#)

IKLAN@UTUSAN

KOMUNITI

Waktu Solat

Laporan Cuaca

BERITA

Berita Utama

Dalam Negeri

Wilayah

Laporan Khas

Parlimen

Politik

Luar Negara

Sukan

Bisnes

» **Ekonomi**

» **Korporat**

» **Saham**

» **Matawang**

Mahkamah

Jenayah

KOLUMNIS



CUIT

ZAINI HASSAN



SELAK

HASSAN MOHD NOOR

GAYA HIDUP

Agama

Keluarga

Hiburan

Rancangan TV

Feminin

Pendidikan

Sains & Teknologi

Agrobiz

Kesihatan

S3

Polis & Tentera

Sastera

ARTIKEL

Rencana

Cuit

Selak

Awang Selamat

Kolumnis

Forum

CAPAIAN LAIN

Classifieds

Utusan Airtime

Portal Pendidikan

Kosmo! Online

Mangga Online

Saji Online

MyBooks



IKLAN TEKS

- **AZAM RAMADAN!** : Inginan Bacaan Al-Quran **LEBIH BERKUALITI** berbanding tahun lepas? dapatkan **TAJWIDPRO!**

[Kareer](#)

[Utusan Karya](#)

[Laman Xtive](#)

LAMAN KHAS

[Liga M 2010](#)

[PRK 2010](#)

[UMNO 2010](#)

[Sharlinie](#)

[Salam Perantauan](#)

Kumpulan Utusan | Hubungi Kami | Jom Iklan | Terma
© UTUSAN MELAYU (M) BERHAD, 46M, Jalan Lima Off Jalan Chan Sow